



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

Jalan Diplomatik Off Jalan Bako

Petra Jaya

93050 Kuching, Sarawak

Tel : 082-473473

Faks : 082-473478

Laman Web : jpnsarawak.moe.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JPNSW5.600-3/4/774.13 (78)
Tarikh : 5 April 2024

YBrs. Prof. Ts. Dr. Faidz Abd Rahman

Pengerusi

Jawatankuasa Penyelaras

Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLSEF)

Universiti Tunku Abdul Rahman

Jalan Sungai Long

Bandar Sungai Long

43000 Cheras

Selangor

YBrs. Prof.,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN PENGANJURAN DAN PELIBATAN MURID DALAM PROGRAM KUALA LUMPUR *ENGINEERING SCIENCE FAIR* (KLESF) *THE FAIR AND 18TH MALAYSIA FESTIVAL OF THE MIND* (MFOTM) 2024

Dengan hormatnya surat daripada Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLSEF), Universiti Tunku Abdul Rahman bertarikh 25 Mac 2024 dan diterima pada 25 Mac 2024 mengenai perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (JPNS) telah menerima dan meneliti permohonan di atas daripada pihak YBrs. Prof. Pihak JPNS mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan dalam pembangunan kokurikulum di negeri ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak JPNS mengambil maklum akan permohonan pihak YBrs. Prof. serta **tiada halangan** bagi penganjuran program dan penglibatan murid sekolah dalam **Program Kuala Lumpur *Engineering Science Fair* (KLESF) *The Fair and 18th Malaysia Festival Of The Mind* (MFotM) 2024** pada 8 hingga 10 November 2024 bertempat di **MINES International Exhibition and Convention Centre (MIECC), Selangor**. Walau bagaimanapun, kebenaran dan kelulusan ini adalah tertakluk kepada surat pekeliling/ surat siaran Kementerian Pendidikan Malaysia seperti berikut:

- 3.1 **Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 9 Tahun 2023** – Garis Panduan Lawatan Murid Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2023;
- 3.2 **Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2023** – Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Luar Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Semasa Cuaca Panas;
- 3.3 **Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2018** – Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru Dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia;
- 3.4 **Surat Pekeliling Ikhtisas Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 5 Tahun 2016** – Panduan Keselamatan Semasa Pendidikan Jasmani Dan Kesihatan Serta Kegiatan Kokurikulum Dan Sukan Di Dalam Dan Di Luar Kawasan Sekolah;
- 3.5 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 10 Tahun 2011** – Garis Panduan Penglibatan Pihak Sekolah Dalam Program Atau Aktiviti Anjuran Pihak Luar Selain Daripada Agensi Di Bawah Kementerian Pelajaran Malaysia;
- 3.6 **Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil. 2/1010** – Garis Paduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar;
- 3.7 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8 Tahun 2009** – Langkah-langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti/ Program Lawatan di Luar Waktu Persekolahan;
- 3.8 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 8 Tahun 1995** – Penyertaan Pelajar dalam Pertandingan Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan Atau Badan Induk Sukan
- 3.9 **Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 7 Tahun 1988** – Penyertaan Pelajar dalam Pertandingan Kejohanan Sukan Anjuran Persatuan Atau Badan Induk Sukan
- 3.10 **Garis Panduan Pengurusan Sekolah KPM dan *Standard Operating Procedure* (SOP)** yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);

4. Sehubungan dengan itu juga, pihak YBrs. Prof. perlu **memaklumkan secara bertulis kepada Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah yang terlibat** berkaitan program ini di samping mengamalkan ***delivery improvement* Kementerian Pendidikan Malaysia** yang antaranya adalah seperti berikut:

- 4.1 Pihak penganjur hendaklah memaklumkan secara bertulis kepada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah yang terlibat;
- 4.2 Mematuhi semua pekeliling dan peraturan yang sedang berkuatkuasa;
- 4.3 Semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai;
- 4.4 **Penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran bertulis daripada ibu bapa atau penjaga;**
- 4.5 Guru/guru-guru pengiring hendaklah dilantik oleh pihak sekolah untuk mengiringi murid ke program berkenaan. Nisbah maksimum adalah **1(satu) orang guru bagi setiap 10 (sepuluh) orang murid**. Mesti ada guru pengiring perempuan jika melibatkan murid perempuan dan mesti ada guru lelaki sekiranya program melibatkan murid lelaki;
- 4.6 Surat kebenaran/kelulusan ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak;
- 4.7 Pihak penganjur adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan kelulusan penganjuran program daripada pihak-pihak berkaitan;
- 4.8 Pihak penganjur hendaklah memberikan penerangan yang jelas tentang program ini kepada semua yang terlibat dan menepati tatacara pemakaian yang digariskan oleh KPM agar tidak menimbulkan sebarang implikasi negatif daripada program yang dijalankan;
- 4.9 Penglibatan guru dan murid dalam program ini tidak akan menjejaskan proses pengajaran dan pembelajaran serta tidak mengganggu lain-lain program yang telah dirancang oleh sekolah, PPD, JPN dan KPM;
- 4.10 Sekiranya tempat bermalam tidak disediakan, program harian hendaklah ditamatkan **tidak lebih daripada 4.30 petang;**
- 4.11 Bagi program yang melibatkan bermalam dan tempat bermalam disediakan, aktiviti yang dilaksanakan hendaklah **tidak lebih daripada 10.30 malam;**
- 4.12 Sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid dan guru yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 4.13 **Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat;**

- 4.14 Penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum, perlindungan insurans, serta menjaga keselamatan dan kebajikan murid yang terlibat dengan program ini;
- 4.15 Program yang melibatkan kos pembayaran penyertaan untuk murid bagi program yang dilaksanakan tertakluk kepada persetujuan antara pihak penganjur, ibu bapa dan pihak sekolah;
- 4.16 Pihak penganjur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni, pembinaan karakter murid dan perpaduan diterapkan dalam pelaksanaan program;
- 4.17 Penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapatkan maklum balas/ surat sokongan permohonan penganjuran program ini**. Syarat permohonan adalah seperti di dalam **Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (<https://www.moe.gov.my/logo>)**;
- 4.18 Sebarang aktiviti air / aktiviti yang berisiko mesti dikendalikan oleh jurulatih yang bertauliah;
- 4.19 Pihak penganjur dimohon mengemukakan permohonan untuk tujuan pengiktirafan program bagi markah kokurikulum ke jabatan bagi program peringkat negeri, dan ke Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK), KPM bagi program peringkat kebangsaan/antarabangsa dengan menyediakan dokumen seperti berikut:
 - 4.19.1 Surat kelulusan program daripada KPM/JPN;
 - 4.19.2 **Salinan laporan program** mengikut format **Lampiran 1** yang dilampirkan bersama-sama surat ini dalam **tempoh tidak lebih daripada 30 hari** selepas pelaksanaan program tersebut;
 - 4.19.3 Permohonan ke jabatan hendaklah dihantar ke alamat e-mel **ukk.jpnsarawak@moe.gov.my**
- 4.20 **Jabatan berhak menarik balik surat penganjuran program ini sekiranya pihak penganjur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar KPM yang sedang berkuatkuasa. Sebarang ketidakakuran akan memberi kesan kepada permohonan agensi pada masa depan.**

5. Kelulusan ini hanya untuk pihak **Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLSEF), Universiti Tunku Abdul Rahman** yang akan menganjurkan **Program Kuala Lumpur Engineering Science Fair (KLESF) The Fair and 18th Malaysia Festival Of The Mind (MFotM) 2024** pada 8 hingga 10 November 2024 bertempat di **MINES International Exhibition and Convention Centre (MIECC), Selangor** dan luput selepas **10 November 2024**. Sebarang permohonan kebenaran baharu hendaklah dikemukakan kepada pihak jabatan.

6. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak YBrs. Prof. boleh menghubungi **Puan Marjolyn Michael** (Subunit Kokurikulum) di talian **082-473654** atau e-mel **marjolyn@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,




(DATU DR. HAJI AZHAR BIN HAJI AHMAD)

Pengarah Pendidikan

merangkap Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru

Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

s.k 1. Semua Pegawai Pendidikan Daerah



P. A. K. Program STEM